

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
PERHIMPUNAN AGUNG DAN SEMINAR PERSE-
KUTUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN
KECIL MALAYSIA BARAT DI KOLEJ PER-
TANIAN SERDANG, SELANGOR PADA 16HB
MAC, 1973**

Tuan Pengerusi, Y.B. Tuan Haji Mohd. Yusuf, Yang Dipertua Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian yang hadir,

Terlebih dulu, saya ingin mengucapkan berbanyak terimakasih kerana diberi penghormatan merasmikan Perhimpunan Agung dan Seminar Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Semenanjung Malaysia pada pagi ini. Kita semua sama-sama maklum bahawa Persekutuan Pekebun-pekebun Kecil hari ini memainkan peranan penting dalam bidang pembangunan dan kemajuan pekebun-pekebun kecil yang telah lama ketinggalan berbanding dengan sektor ladang atau estate. Dalam context itu, Kerajaan amat menghargai usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Persekutuan ini dalam bidang memodenkan sektor pekebun kecil di negara ini.

Saya diberitahu pada masa sekarang Persekutuan ini mempunyai lebih dari 20,000 orang ahli yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman getah, kelapa sawit, kelapa, nenas, kopi dan buah-buahan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin Persekutuan khasnya kepada saudara kita, Tuan Haji Mohamed Yusuf atas kejayaan mereka dalam masa yang begitu singkat iaitu dalam tempoh dua tiga tahun saja, dapat menghimpun dan menyatukan pekebun-pekebun kecil dari semua bidang tanaman di dalam lingkungan Persekutuan ini.

Adalah satu langkah yang bijak bersempena dengan Perhimpunan Agung Persekutuan ini, satu Seminar juga diadakan di mana beberapa orang pakar yang berkenaan dijemput mengemukakan kertas-kertas kerja mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Pada hemat saya, selain daripada masalah sehari-hari di dalam perusahaan pekebun-pekebun kecil, patutlah juga dibincangkan aspek-aspek yang lebih utama

dan mendesak iaitu menzahirkan fikiran dan sikap baru di kalangan pekebun-pekebun kecil untuk menghadapi tuntutan hari ini sejajar dengan objektif dan semangat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya harap Seminar ini meliputi seluas-luasnya usaha Kerajaan bagi memodenkan sektor pekebun kecil kerana Kerajaan ingin mengetahui dari pekebun kecil sendiri bagaimana sektor tersebut dapat dimodenkan melalui institusi yang telah ditubuhkan bagi mencapai objektif itu.

Syukur Alhamdulillah, hari ini keadaan harga getah telah bertambah baik dan hanya seminggu dulu telah meningkat kepada 136.25 sen sekilo atau 613/4 sen satu paun. Berbanding dengan kedudukan harga empat bulan dulu, keadaan masa ini sudah jauh berbeza dan menggalakkan. Namun begitu, Kerajaan tidaklah berpuas hati dan usaha-usaha haruslah dilipat-gandakan bagi faedah pekebun kecil yang merupakan "Achilles Heel" perusahaan getah asli supaya sektor ini dapat bertanding dengan jayanya dengan perusahaan getah synthetic walaupun di saat harga yang rendah.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif dalam hal ini dengan menubuhkan MRDC pada tahun 1971 dan baru-baru ini ditubuhkan pula RISDA yang mana saya telah merasmikan pelancarannya pada 8hb Februari lalu. Kedua-dua langkah ini membuktikan dengan jelasnya bahawa Kerajaan sangatlah menitik-beratkan kepentingan sektor pekebun kecil kita terutama sekali dengan adanya RISDA kita mewujudkan sebuah organisasi yang khusus akan menjayakan kemajuan dan perkembangan perusahaan getah bagi pekebun-pekebun kecil supaya dapat dikawal dengan lebih teratur dan sempurna.

Tindakan ini dipandang mustahak kerana kita sedar akan kepentingan sektor pekebun kecil yang menjalankan perusahaan tradisi negara dan menampung lebih dari tiga juta rakyat luar bandar samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Saudara-saudara sekalian,

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil hari ini menjadi bertambah berat dengan perkembangan yang berlaku dari segi teknik dan penyelidikan serta cara-cara baru

memproses getah. Kedudukan pekebun kecil juga jadi bertambah rumit kerana adanya persaingan dengan getah synthetic yang menyebabkan harga getah turun naik atau fluctuate setiap masa. Inilah perkara yang membimbangkan pekebun kecil dan oleh itu usaha memodenkan sektor ini dianggap sebagai "high priority" kepada RISDA untuk melaksanakannya.

Seperti yang telah saya katakan semasa pelancarannya dulu, RISDA akan melaksanakan segala pembaharuan di bidang pertanian menggunakan hasil-hasil penyelidikan serta bekerjasama dan berhubung rapat dengan semua agensi lain yang menjalankan penyelidikan di samping mengadakan kredit pertanian, kemudahan memproses dan pemasaran bagi mewujudkan segera sektor pekebun kecil yang moden.

Saya penuh yakin kemajuan pesat yang dijayakan oleh RRI hari ini seperti "tissue culture" yang menjamin baka terbaik hingga boleh mengeluarkan 6,000 paun getah pada satu ekar. akan dapat sama dinikmati oleh pekebun kecil melalui RISDA.

Barangkali perlu juga saya terangkan di sini bahawa ahli-ahli RISDA dipilih dari pakar ekonomi dan akademik selain dari Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada kebolehan dan kecekapan mereka khasnya kerana kita lebih menitik-beratkan usaha memodenkan sektor pekebun kecil tadi.

Jadi tidaklah bermakna bahawa perwakilan pekebun kecil itu sengaja diperkecilkan. Saya suka menegaskan di sini iaitu Jemaah Ahli Badan-badan Berkanun mestilah wajar dan sederhana supaya Badan itu dapat menyumbangkan tenaga yang lebih berkesan dan seberapa boleh Kerajaan akan membentuk "professional representation" supaya dapat fikiran atau approach baru untuk disalurkan dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian,

Semenjak ditubuhkan dua tahun lalu, MRDC sedang giat menjalankan projek-projek di luar bandar iaitu membeli dan memproses getah serta mengeksportnya terus kepada pengguna-pengguna di luar negeri. Melalui usaha-usaha MRDC, peranan orang tengah telah banyak diperkurangkan dan pekebun-pekebun kecil dapat merasa nikmat dan kepuasan harga yang lebih baik. Pada masa sekarang, MRDC mengendalikan tujuh buah kilang

Heveacrumb dan sembilan buah lagi akan mula berjalan penghujung tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun 1974. Kesemuanya dalam Rancangan Malaysia Kedua, MRDC ditugaskan mendirikan dua puluh lapan kilang Heveacrumb untuk memproses getah pekebun kecil. MRDC juga memberi peluang pekerjaan kepada beribu-ribu bumiputra di luar bandar sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya sukacita langkah dan usaha MRDC pada amnya mendapat sambutan baik dari rakyat di luar bandar. Bagaimanapun, saya diberitahu ada juga pekebun kecil yang cuba mencari pendapatan yang lebih dengan berbagai helah umpamanya mencampur susu getah dengan bahan asing seperti carbide. Ini nyatalah fikiran singkat dan tidak patut diamalkan. Anggapan mereka kalau dicampur susu getah dengan carbide akan memberi lebih banyak Dry Rubber Content (DRC) tetapi sebaliknya perbuatan mereka itu mendatangkan masalah yang rumit kepada kilang MRDC yang sebenarnya adalah milik rakyat. Saya suka mengingatkan mereka janganlah berbuat perkara yang tidak diinginkan itu. Kita tubuhkan MRDC untuk menjaga kepentingan pekebun kecil sendiri dan patutlah kita sama-sama menjaga dan menyokong penuh usaha-usaha MRDC itu.

Saudara-saudara sekalian,

Sementara Kerajaan akan terus mengadakan kemudahan dan infrastruktur bagi perusahaan getah pekebun kecil, mereka hendaklah sedar bahawa kejayaan mencapai cita-cita hidup bahagia dan menikmati taraf ekonomi yang tinggi bukanlah bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Kita mestilah bekerja kuat dan bersedia menukar sikap terhadap perubahan-perubahan yang sedang berlaku di sekeliling untuk kebaikan kita sendiri. Kalau tidak, nescaya kita akan ketinggalan di belakang dalam perlumbaan hidup zaman moden ini.

Saudara-saudara sekalian,

Menyentuh tentang pertubuhan amnya, kita maklum bahawa Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi menyatu dan menyelaraskan kegiatan persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian untuk mengelakkan persaingan yang tidak sihat antara kedua pihak dan akibatnya peladang-peladang berpecah belah. Dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang tadi, usaha-usaha

mereka tidaklah lagi bertelingkah atau bertindih (duplicate) yang hanya merugikan tenaga dan masa.

Saya ingin melihat pekebun-pekebun kecil getah melaksanakan konsep integration dengan menyusun usaha-usaha mereka di bawah satu badan kebangsaan sama seperti Lembaga Pertubuhan Peladang tadi. Hari ini terdapat tiga buah persatuan yang dikatakan mewakili pekebun kecil di Semenanjung Malaysia, iaitu Jemaah Persatuan-persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia, Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Barat dan Persatuan Pemasaran Getah Pekebun-pekebun Kecil Negeri Kedah. Kecuali Persatuan dari Negeri Kedah itu, Jemaah Persatuan Pekebun-pekebun Kecil dan Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil mempunyai cawangan di kebanyakan negeri tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Ada setengah pekebun kecil mengambil kesempatan dengan menjadi ahli kedua-duanya, ataupun ketiga-tiga Persatuan itu. Di samping itu ramai pula menjadi ahli Persatuan-persatuan Peladang.

Saya percaya tujuan dan matlamat Persatuan-persatuan tadi tentulah sama baik belaka. Akan tetapi, oleh kerana mereka berebut pengaruh dari kumpulan yang sama, saya bimbang usaha-usaha mereka itu sudah tentu tidak akan berkesan dan sempurna. Bahkan kegiatan mereka bersaing antara satu dengan lain mengakibatkan pekebun-pekebun kecil sendiri berbelah bagi.

Saya suka mengambil kesempatan di sini menyeru para pemimpin Persatuan-persatuan itu supaya menyatukan usaha-usaha mereka di bawah satu Badan Kebangsaan saja yang benar-benar mewakili pekebun kecil di seluruh negara.


Begitu juga, saya berharap saudara-saudara pekebun kecil supaya menyatukan kegiatan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan Peladang. Sekarang saya dapat tahu ada setengah-tengah pekebun-pekebun kecil yang menjadi ahli Persatuan-persatuan Peladang. Pada masa ini, Persatuan Peladang telahpun disatukan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan oleh itu eloklah kedua-dua Persatuan Peladang dan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil menyelaraskan usaha-usaha mereka supaya berjalan dengan licin dan dengan itu mengelakkan perlumbaan yang sia-sia ataupun berlapisan.

Saya percaya dengan penyelarasan dan penyatuan begini, dan dengan sikap jujur, dinamis dan dedikasi para pemimpin, Badan

Kebangsaan itu dapat diwujudkan dan usaha-usaha untuk Pekebun-pekebun kecil disalurkan di bawah satu badan sahaja demi kepentingan pekebun-pekebun kecil sendiri dan kaum bumi-putera khasnya. Inilah harapan saya semuga saudara-saudara akan berusaha memenuhinya.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan harapan itu, saya sukacita merasmikan Perhimpunan Agung dan Seminar Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Semananjung Malaysia sambil berdoa semuga usaha baik ini diberkati Allah dan akan membawa pekebun-pekebun kecil kita ke arah masa depan yang maju, makmur dan bahagia.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang diberi penerangan oleh Encik Abdul Rashid, seorang Pensyarah Universiti Pertanian, mengenai Ubi Kayu sempena Persidangan Perhimpunan Agung dan Seminar Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Semenanjung Malaysia di Universiti Pertanian, pada 16hb Mac, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)